

**KERTAS 1** Soalan Objektif

Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan iaitu **A, B, C** dan **D**. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja.

**Kemahiran Proses Sains**

- 1 Rajah 1 menunjukkan satu penyiasatan yang dijalankan oleh seorang pelajar.




Rajah 1

Apakah deria yang terlibat dalam penyiasatan ini?

- A Bau                      C Penglihatan  
B Rasa                      D Pendengaran

- 2 Rajah 2 menunjukkan satu penyiasatan.



Rajah 2

Antara yang berikut, yang manakah merupakan pemerhatian yang betul bagi penyiasatan di atas?

- A Air telah tersejat selepas 30 minit.  
B Isi padu air berkurang selepas 30 minit.  
C Air tersejat sebagai wap air ke persekitaran.  
D Isi padu air berkurang kerana proses penyejatan.


- 3 Maklumat di bawah menerangkan tentang satu kemahiran proses sains.

Membuat kesimpulan awal tentang sesuatu kejadian berdasarkan pemerhatian.

Apakah kemahiran proses sains yang dimaksudkan?

- A Membuat hipotesis  
B Berkomunikasi  
C Membuat inferens  
D Mentafsir data

- 4 Rajah 3 menunjukkan satu pengelasan bahan berdasarkan sifat kimianya.




Rajah 3

Apakah sifat X dan Y?

	X	Y
<b>A</b>	Neutral	Alkali
<b>B</b>	Alkali	Asid
<b>C</b>	Asid	Neutral
<b>D</b>	Asid	Alkali

- 5 Rajah 4 menunjukkan tiga batang magnet yang berlainan saiz digunakan dalam satu penyiasatan.




Rajah 4

Apakah pemboleh ubah yang dimanipulasi dalam penyiasatan ini?

- A Jenis magnet  
B Saiz magnet  
C Jenis bahan yang ditarik magnet  
D Bilangan klip kertas yang dapat ditarik magnet

- 6** Sebatang pokok diletakkan di dalam kotak berlubang di kawasan terbuka. Pokok disiram setiap hari. Ramalkan keadaan pokok selepas seminggu.
- A** Pokok mati  
**B** Pokok layu  
**C** Pokok akan tumbuh ke arah lubang  
**D** Daun pokok berwarna kekuningan

- 7** Rajah 5 menunjukkan penyiasatan yang dijalankan oleh Amir. Dia mendapati semua larva mati selepas sehari.



Rajah 5

Apakah inferens yang boleh dibuat?

- A** Larva kekurangan makanan.  
**B** Larva kekurangan air.  
**C** Larva kekurangan cahaya matahari.  
**D** Larva kekurangan udara.
- 8** Antara yang berikut, yang manakah **bukan** kemahiran proses sains?  
**A** Memerhati      **C** Meramal  
**B** Menganggar      **D** Mengelas
- 9** Jadual 1 menunjukkan ketinggian anak pokok jagung dalam tempoh 3 minggu.

Bilangan minggu	Ketinggian (cm)
1	15
2	25
3	35

Jadual 1

Ramalkan tinggi anak pokok jagung pada minggu kelima.

- A** 50      **C** 60  
**B** 55      **D** 65
- 10** Jadual 2 menunjukkan pemerhatian dalam satu penyiasatan.

Bilangan mentol	1	2	3
Kecerahan mentol	Sangat cerah	Cerah	Malap

Jadual 2

Apakah kesimpulan yang boleh dibuat berdasarkan pada Jadual 2?

- A** Semakin banyak mentol, semakin cerah nyalaan mentol.  
**B** Semakin banyak mentol, semakin malap nyalaan mentol.  
**C** Semakin banyak mentol, semakin kurang arus elektrik yang mengalir.  
**D** Semakin kurang mentol, semakin besar arus elektrik yang mengalir.

### Kemahiran Manipulatif

- 11** Seekor katak digunakan dalam satu penyiasatan di makmal.

Apakah yang perlu dilakukan ke atas katak itu selepas kajian dibuat?

- A** Buang ke dalam tong sampah  
**B** Simpan di dalam beg sekolah  
**C** Lepaskan semula katak itu  
**D** Simpan di dalam makmal
- 12** Antara alat berikut, yang manakah digunakan untuk mencatat masa di dalam bilik sains?  
**A** Jam matahari  
**B** Neraca mampatan  
**C** Jam randik  
**D** Termometer

- 13** Mengendalikan spesimen dengan betul dan cermat

Antara yang berikut, yang manakah menunjukkan kemahiran manipulatif yang dinyatakan di atas?

